



## **DOKUMEN SEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR,  
MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI  
DAN MENYELENGGARA KOMPUTER RIBA DAN  
TABLET SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH TIGA  
(3) TAHUN DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

**BIL. SEBUT HARGA: IIM/SH/7/2024**

**TARIKH MULA TAWARAN:**

**1 Oktober 2024 (Selasa)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN:**

**9 Oktober 2024 (Rabu)**

***Peringatan:***

1. Pembekal/Syarikat dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pembekal adalah **DIWAJIBKAN** untuk memastikan dokumen sebut harga adalah lengkap kesemua muka surat dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada Sekretariat Perolehan, Institut Integriti Malaysia
3. Penyebut harga diingatkan supaya melindungi dokumen ini seperti mana yang termaktub di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
NOTIS SEBUT HARGA .....	2
LAMPIRAN Q .....	7
ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA .....	9
SYARAT-SYARAT AM .....	15
SYARAT-SYARAT KHAS .....	19
SURAT AKUAN PEMBIDA .....	22
SURAT PERWAKILAN KUASA (JIKA ADA).....	24
KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA .....	26
BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK .....	29
LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT .....	30
JADUAL TAWARAN HARGA .....	31
PEMATUHAN SPESIFIKASI .....	32
SENARAI KERJA DALAM TANGAN.....	40
SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN BAGI PEROLEHAN SAMA .....	41



## NOTIS SEBUT HARGA

Pembekal adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang dan kriteria yang berkaitan yang mana tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perkhidmatan seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IIM/SH/7/2024	PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENYELENGGARA KOMPUTER RIBA DAN TABLET SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA	<p>➤ <b><u>Kod Bidang:</u></b> 210101: <i>Hardware (Low End Technology);</i> 210102: <i>Hardware (High End Technology);</i> 210109: <i>Hardware And Software Leasing/Renting</i></p> <p>➤ <b><u>Lokality:</u></b> 1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2. Wilayah Persekutuan Putrajaya 3. Selangor</p>
<p style="text-align: center;"><b>Tarikh Mula Tawaran: 1 Oktober 2024 (Selasa)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Tarikh Tutup Tawaran: 9 Oktober 2024 (Rabu)</b> <b>(Sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari)</b></p>		

1. Dokumen sebut harga disediakan secara **PERCUMA** di laman sesawang [www.iim.gov.my](http://www.iim.gov.my)

2. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi **WAJIB** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:

**Institut Integriti Malaysia**  
**Menara Integriti**  
**Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin**  
**Off Jalan Tuanku Abdul Halim**  
**50480 KUALA LUMPUR.**  
**(u.p: Bahagian Pentadbiran)**

3. Borang hendaklah sampai **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 9 Oktober 2024 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**. Institut Integriti Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan/kehilangan penghantaran Dokumen Sebut Harga melalui pos berdaftar/kurier.
4. Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana Cadangan Tawaran. IIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran yang mana diputuskan munasabah.
5. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga sila e-mel kepada [perolehan@iim.gov.my](mailto:perolehan@iim.gov.my) atau hubungi **Puan Nazsalwani: 012-933 9787** dan **Encik Fatah: 018-388 4642**

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"**

**"INTEGRITI. KERJA BERPASUKAN. PROFESIONAL"**

Saya yang menjalankan amanah,



**HARISHAM BIN IBRAHIM**  
Pengarah  
Bahagian Pentadbiran  
Institut Integriti Malaysia



**SENARAI SEMAK**

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,  
MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENYELENGGARA KOMPUTER RIBA DAN  
TABLET SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI INSTITUT  
INTEGRITI MALAYSIA**

**(IIM/SH/7/2024)**

Sila tandakan “√” bagi dokumen-dokumen yang disertakan

<b>Bil.</b>	<b>Perkara/Dokumen</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Syarikat</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>
<b>CADANGAN KEWANGAN</b>			
1.	Lampiran Q - Sebut Harga Untuk Bekalan/Perkhidmatan <b>(mandatori)</b>		
2.	Surat Akuan Pembida - <b>Lampiran A (mandatori)</b>		
3.	Keterangan Mengenai Penyebut Harga - <b>Lampiran B (mandatori)</b>		
4.	Borang Penyata Bulanan Akaun Bank <b>(asal)</b> - <b>Lampiran C (mandatori)</b>		
5.	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit <b>(asal)</b> - <b>Lampiran D</b> (jika berkaitan)		
6.	Pengesahan dari Institusi Kewangan untuk Penyata Bank terkini bagi bulan Jun 2024, Julai 2024 dan Ogos 2024 <b>(asal) (mandatori)</b>		
7.	Jadual Tawaran Harga - <b>Lampiran E</b>		
8.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam tempoh sah laku <b>(mandatori)</b>		
9.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan e-info dalam tempoh sah laku <b>(mandatori)</b>		
10.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. <b>(mandatori)</b>		

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
11.	Salinan Sijil MyHIJAU ( <b>mandatori</b> )		
12.	Surat Lantikan ( <i>Letter Of Authorization</i> ) dan Surat Jaminan ( <i>Warranty Letter</i> ) daripada principal		
13.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (MOF) dalam tempoh sah laku (sekiranya berdaftar)		
14.	Salinan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (sekiranya berdaftar)		
<b>CADANGAN TEKNIKAL</b> <u><b>NOTA PENTING: SEBARANG IDENTITI (SEPERTI NAMA, ALAMAT, LOGO, SLOGAN DAN WATERMARK) PENYEBUT HARGA TIDAK DIBENARKAN TERCATAT DI MANA-MANA BAHAGIAN DALAM DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL. KEGAGALAN MEMATUHI PERKARA INI AKAN MENGAKIBATKAN TAWARAN DITOLAK.</b></u>			
15.	Pematuhan Spesifikasi - <b>Lampiran 1 (mandatori)</b>		
16.	Senarai Kerja Dalam Tangan - <b>Lampiran 2 (mandatori)</b>		
17.	Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan Bagi Perolehan Sama - <b>Lampiran 3 (mandatori)</b>		
18.	Profil Lengkap Syarikat ( <b>mandatori</b> )		
19.	Senarai Kakitangan Teknikal dan Ahli Pasukan Projek ( <b>mandatori</b> )		
20.	Katalog/Brosur Lengkap Berwarna		
21.	Lain-lain Sekiranya Ada (sila nyatakan).....		

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Peti Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p>

## LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut harga
-----------------

IIM/SH/7/2024
---------------

### INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga.

Kepada (Nama Syarikat) .....	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Institut Integriti Malaysia Menara Integriti Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 KUALA LUMPUR.  No. Telefon: 03 - 6209 2000 Tarikh: 1 Oktober 2024
.....	
No. Telefon: .....	
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: .....	
.....	
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini .....	

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **mengikut spesifikasi, syarat-syarat am dan syarat-syarat khas.**
  - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **sebelum atau pada November 2024.**
  - 1.3. Arahan pengiriman **Institut Integriti Malaysia (IIM).**
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor **No. Sebut harga: IIM/SH/7/2024.**
  - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di Alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari 9 Oktober 2024 (Rabu).**
  - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: 1 Oktober 2024

Tandatangan : .....

Nama Pegawai : Harisham bin Ibrahim

Jawatan : Pengarah Bahagian Pentadbiran



Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Keperluan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk Diisi oleh Institut Integriti Malaysia				Untuk Di isi oleh Penyebut harga	
	<b>PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENYELENGGARA KOMPUTER RIBA DAN TABLET SECARA SEWAAN BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SH/07/2024)</b>  Tarikh penyerahan/penyempurnaan ditawarkan <b><u>sebelum atau pada November 2024.</u></b>				
<b>Jumlah Harga (tanpa cukai)</b>					
<b>Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada)</b>					
<b>Jumlah Harga (termasuk cukai)</b>					

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah **sebelum atau pada November 2024.**

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan :  
 Penyebut harga : .....  
 Nama dan K/P : .....  
 Alamat Syarikat : .....  
 .....  
 .....

Tarikh : .....

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Institut Integriti Malaysia adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1. Penyediaan Sebut Harga

Pembekal hendaklah **mengisi menggunakan PEN DAKWAT** dengan lengkap cadangan tawaran dan menyerahkannya sebelum tarikh dan waktu tutup sebut harga. **Dokumen Sebut Harga wajib dikemukakan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan 'A: Dokumen Tawaran Teknikal' dan 'B: Dokumen Tawaran Kewangan'** seperti berikut: -

**Sampul Surat 'A' adalah 'Dokumen Tawaran Teknikal'**

**SATU (1) DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan **DUA (2) DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.

- (i) Pematuhan Spesifikasi - **Lampiran 1 (mandatori)**;
- (ii) Senarai Kerja Dalam Tangan - **Lampiran 2 (mandatori)**;
- (iii) Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan Bagi Perolehan Sama - **Lampiran 3 (mandatori)**;
- (iv) Profil Lengkap Syarikat (**mandatori**);
- (v) Senarai Kakitangan Teknikal dan Ahli Pasukan Projek (**mandatori**); dan
- (vi) Katalog/Brosur Lengkap Berwarna

**NOTA PENTING: SEBARANG IDENTITI (SEPERTI NAMA, ALAMAT, LOGO, COP SYARIKAT, SLOGAN DAN WATERMARK) PENYEBUT HARGA TIDAK DIBENARKAN TERCATAT DI MANA-MANA BAHAGIAN DALAM DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL. KEGAGALAN MEMATUHI PERKARA INI AKAN MENGAKIBATKAN TAWARAN DITOLAK.**

## **Sampul Surat 'B' adalah 'Dokumen Tawaran Kewangan'**

**SATU (1) DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan **DUA (2) DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.

- (i) Lampiran Q - Sebut Harga Untuk Bekalan/Perkhidmatan (**mandatori**);
- (ii) Surat Akuan Pembida - **Lampiran A (mandatori)**;
- (iii) Keterangan Mengenai Penyebut Harga - **Lampiran B (mandatori)**;
- (iv) Borang Penyata Bulanan Akaun Bank (**asal**) - **Lampiran C (mandatori)**;
- (v) Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (**asal**) - **Lampiran D** (jika berkaitan);
- (vi) Pengesahan dari Institusi Kewangan untuk Penyata Bank terkini bagi bulan Jun 2024, Julai 2024 dan Ogos 2024 (**asal**) (**mandatori**);
- (vii) Jadual Tawaran Harga - **Lampiran E (mandatori)**;
- (viii) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam tempoh sah laku (**mandatori**);
- (ix) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan e-info dalam tempoh sah laku (**mandatori**);
- (x) Salinan sijil Pematuhan Cukai (TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (**mandatori**);
- (xi) Salinan Sijil MyHIJAU (**mandatori**);
- (xii) Surat Lantikan (*Letter Of Authorization*) dan Surat Jaminan (*Warranty Letter*) daripada principal;
- (xiii) Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (MOF) dalam tempoh sah laku (sekiranya berdaftar); dan
- (xiv) Salinan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (sekiranya berdaftar)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas pembekal hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

**Sekiranya pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen sebut harganya akan ditolak.**

### **2.2. Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

2.2.1. Semua dokumen yang diserahkan oleh pembekal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembekal hanya dibenarkan menghantar SATU (1) cadangan sahaja bagi cadangan yang ditawarkan.

2.2.2. **DOKUMEN SEBUT HARGA YANG TELAH DIISI DENGAN LENGKAP DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN 'A: DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL' DAN 'B: DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM SATU (1) SAMPUL SURAT BERLAKRI/SEAL** yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga

IIM/SH/7/2024 serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- 2.2.3. Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, pembekal hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan di Alamat:

**Institut Integriti Malaysia  
Menara Integriti  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 KUALA LUMPUR  
(u.p: Bahagian Pentadbiran)**

- 2.2.4. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### 2.3. Penjelasan Lanjut

- 2.3.1. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pembekal boleh e-mel kepada [perolehan@iim.gov.my](mailto:perolehan@iim.gov.my) atau hubungi **Puan Nazsalwani: 012-933 9787** dan **Encik Fatah: 018-388 4642** untuk penjelasan lanjut.
- 2.3.2. Institut Integriti Malaysia akan membuat pemberitahuan kepada pembekal sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan berkaitan pelawaan sebut harga ini di laman sesawang Institut Integriti Malaysia. Setiap notis atau pindaan yang dilakukan akan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

## 3. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga boleh didapati secara **PERCUMA**.

## 4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembekal sendiri.

## 5. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sah laku tawaran adalah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga 9 Oktober 2024 sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Pembekal yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

## 6. TAWARAN PILIHAN

Setiap pembekal tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang di hantar. Jika terdapat tawaran pilihan, Institut Integriti Malaysia berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

## 7. PEMBATALAN PELAWAAN

Institut Integriti Malaysia berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembekal kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembekal.

## 8. PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

8.1. Pemberitahuan kepada pembekal yang berjaya mendapat tawaran Institut Integriti Malaysia akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST)

8.2. Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada pembekal tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

8.3. Apabila dipersetujui, kontrak (Surat Setuju Terima - SST) dianggap sebagai telah dibuat antara Institut Integriti Malaysia dengan pembekal itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

## 9. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN SEBUT HARGA

Keputusan muktamad Sebut Harga akan disiarkan di papan kenyataan dan laman sesawang [www.iim.gov.my](http://www.iim.gov.my) Institut Integriti Malaysia

## 10. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah **Tiga (3) tahun**.

## 11. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

11.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

- 11.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota Institut Integriti Malaysia, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- 11.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Institut Integriti Malaysia dan menyenaraihitamkan pembekal atau pembekal boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- 11.4. Mana-mana pembekal atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota Institut Integriti Malaysia yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

## 12. KENAAN DENDA/TOLAKAN/LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Institut Integriti Malaysia, pembekal dikehendaki melaksanakan pembekalan perkhidmatan/barang/kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan/bekalan/kerja tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Institut Integriti Malaysia. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan pembekalan perkhidmatan/barang/kerja dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Institut Integriti Malaysia berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Denda/Tolakan/*Liquidated & Ascertained Damages* (LAD).

## 13. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

13.1. Pembekal wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida bersama-sama dengan Dokumen Sebut Harga di mana pembekal berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat Yang Ditaulliahkan.

13.2. Pembekal yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida yang mengandungi pengakuan bahawa kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat. Sekiranya pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan Tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

13.3. Pembekal yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Institut Integriti Malaysia juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

13.4. Surat Akuan Pembida adalah menjadi salah satu dokumen **WAJIB** dalam penilaian sebut harga. Sekiranya pembekal gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani, pembekal tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian.

## 14. KESALAHAN KARTEL/PAKATAN TIPUAN BIDA

Sekiranya didapati pembida terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Institut Integriti Malaysia yang berkuatkuasa.

## **SYARAT-SYARAT AM**

Pembekal hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh pembida.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang/peralatan yang dibekalkan hendaklah dalam keadaan asal/tulen, baru dalam tempoh penghantaran dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

2.1. Harga indikatif bagi sebut harga ini adalah RM191,276.64 (termasuk cukai). Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran dan amaun tersebut tidak mengikat Institut Integriti Malaysia atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Institut Integriti Malaysia juga tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif.

2.2. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos tambahan, cukai dan caj-caj lain yang berkaitan. Sah laku tawaran adalah selama 90 hari dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangkamasa sah laku tawaran tidak akan dipertimbangkan.

### **3. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Pembekal dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai jika ada yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

### **4. INSURANS**

Semua barang-barang yang disenaraikan dalam perkhidmatan penghantaran ini perlu diinsurankan.

### **5. MATA WANG**

Tawaran harga sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).



## **6. PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN**

- 6.1. Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Institut Integriti Malaysia berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran Sebut Harga daripada mana-mana penyebut harga yang menyertai sebut harga ini.
- 6.2. Institut Integriti Malaysia berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan pembekal yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak Institut Integriti Malaysia untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Institut Integriti Malaysia menyetujui terima keputusan rundingan.
- 6.3. Institut Integriti Malaysia juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan pembekal yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- 6.4. Keputusan adalah muktamad. Institut Integriti Malaysia adalah tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab ke atas mana-mana cadangan tawaran yang tidak berjaya.
- 6.5. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Institut Integriti Malaysia terhadap pembekal yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh Institut Integriti Malaysia.

## **7. PEMERIKSAAN BARANGAN SEMASA PENGHANTARAN AKHIR**

- 7.1. Institut Integriti Malaysia sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan/perkhidmatan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan/perkhidmatan tersebut.
- 7.2. Pembekal hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 7.3. Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh pembekal

## **8. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Pembekal dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## 9. PENOLAKAN BARANG/PERKHIDMATAN

- 9.1. Barang/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran pembekal boleh ditolak.
- 9.2. Apabila diminta, pembekal hendaklah menyebabkan barang/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Institut Integriti Malaysia segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang/perkhidmatan yang ditolak itu.
- 9.3. Perkara 9.1 dan 9.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Institut Integriti Malaysia untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## 10. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Institut Integriti Malaysia terlebih dahulu.

## 11. BON PELAKSANAAN

- 11.1. Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, pembekal yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut :-
  - (i) Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
  - (ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
  - (iii) Bagi kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuatkuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- 11.2. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.

11.3. Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

11.4. Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST pembekal.

## **12. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan pembekal bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **13. INSURANS**

